




Organisasi
Pekerja
Antarabangsa



Menjaga Kesehatan Dan Perniagaan Anda Dari Selesema Burung

Manual tindakan untuk
para penternak dan pekerja ladang

Oleh: Tsuyoshi Kawakami
Laddawalaya Ratananakorn



Projek Influenza Burung dan Manusia Di Tempat Kerja (Thailand)

Pejabat Wilayah Kecil Asia Timur

MENJAGA KESIHATAN DAN PERNIAGAAN ANDA DARI SELESEMA BURUNG

**Manual tindakan bagi
para penternak dan pekerja ladang**

**Oleh:
Tsuyoshi Kawakami
Laddawalaya Ratananakorn**

Hak cipta © International Labour Organization 2009
Cetakan pertama 2009

Hak cipta penerbitan Pejabat Pekerja Antarabangsa (ILO) di bawah Protokol 2 Konvensyen Hak cipta Sedunia. Namun, mencetak ulang petikan-petikan pendek dibenarkan tanpa kelulusan dengan syarat sumber petikan tersebut dinyatakan. Permohonan kebenaran bagi mencetak ulang atau terjemahan hendaklah dikemukakan kepada ILO Publications (Rights and Permissions), International Labour Office, CH-1211 Geneva 22, Switzerland, atau melalui e-mel: pubdroit@ilo.org. Permohonan yang demikian itu amat dialu-alukan oleh pejabat ILO.

Perpustakaan, institusi, dan pengguna-pengguna lain di United Kingdom yang berdaftar dengan Agensi Pelesenan Hak cipta, 90 Tottenham Court Road, London W1T 4LP [Faks : (+44) (0) 20 7631 5500; emel : cla@cla.co.uk], di Amerika Syarikat, dengan Copyright Clearance Centre, 222 Rosewood Drive, Danvers MA 01923 [Faks : (+1) (978) 750 4470; emel: info@copyright.com atau di negara-negara lain, dengan Organisasi Hak Penerbitan Semula, dibenarkan membuat salinan pendua di bawah peruntukan lesen yang dikeluarkan untuk tujuan tersebut.

Kawakami, Tsuyosyi; Laddawalaya, Ratananakorn

Menjaga kesihatan dan perniagaan anda dari selesema burung : Manual tindakan bagi para penternak dan pekerja ladang/Tsuyoshi Kawakami dan Laddawalaya Ratananakorn; Projek Influenza Burung dan Manusia di tempat kerja (Thailand). Pejabat Wilayah Kecil ILO Asia; Jabatan Kemajuan Ternakan, Kementerian Pertanian dan Koperasi - Bangkok: ILO, 2009

24p.

ISBN

Projek Influenza Burung dan Manusia Di Tempat Kerja (Thailand) ; Pejabat Wilayah Kecil ILO Asia Timur. Kementerian Pertanian dan Koperasi, Jabatan Kemajuan Ternakan.

manual jurulatih / kesihatan pekerjaan / keselamatan pekerjaan / penyakit pekerja /penyakit berjangkit/
penternak/pekerja pertanian/ternakan ayam itik/senarai semak

13.04.2

Data Katalog ILO dalam Penerbitan

Penamaan yang digunakan dalam penerbitan ILO adalah seperti yang diamalkan oleh Badan Bangsa-Bangsa Bersatu dan paparan bahan tidak semestinya menggambarkan pendirian atau sebagainya di pihak ILO, perihal status perundangan mana-mana negara, tempat atau wilayah atau pihak yang berkuasa atau hal-hal yang mengehadkan batasannya.

Penanggungjawaban atas artikel-artikel yang ditandatangani, kajian dan sumbangan bahan yang lain adalah semata-mata di atas tanggungan penulis. Penerbitannya tidak bermaksud persetujuan pejabat ILO terhadap apa-apa pendapat yang dipaparkan.

Rujukan nama-nama syarikat, produk komersial atau proses tidak menggambarkan persetujuan pejabat ILO dan nama yang tidak disebut tidak bermakna penolakan.

Penerbitan ILO boleh didapati di kedai-kedai buku utama di banyak negara, atau memohon terus dari ILO Publications, International Labour Office, CH-1211 Geneva 22, Switzerland atau ILO Regional Office for Asia and the Pacific, 11th Floor, United Nations Building, Rajdamnern Nok Avenue, Bangkok 10200, Thailand atau melalui e-mel: Bangkok@ilo.org. Katalog atau senarai penerbitan terbaru boleh didapati secara percuma melalui alamat di atas atau melalui e-mel:pubvente@ilo.org.

Layari laman sesawang kami : www.ilo.org/publns atau www.ilo.org/asia

Daftar Kandungan

	<i>Halaman</i>
Prakata.....	5
Senarai Semak Tindakan.....	6
Checkpoint 1: Mengumpul maklumat tentang selesema burung untuk menjaga kesihatan.....	14
Checkpoint 2: Menternak ayam itik secara selamat.....	16
Checkpoint 3: Menggunakan kaedah penyembelihan ayam itik secara selamat.....	18
Checkpoint 4: Mengamalkan kebersihan dalam kaedah pelupusan dan pengurusan sisa	20
Checkpoint 5: Segera melaporkan penyakit.....	22
Lampiran 1: Sumber maklumat.....	24

PRAKATA

Wabak selesema burung dan kes-kes jangkitan yang berlanjutan telah menimbulkan kesedaran serantau. Menyedari kepentingan membendung penularan selesema burung, Organisasi Pekerja Antarabangsa [International Labour Organization (ILO)] telah memulakan satu projek rintis bertajuk “ Projek Influenza Burung dan Manusia Di Tempat Kerja (Thailand)”. Projek ini telah ditaja oleh Dana Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Tindakan Influenza [UN Central Fund for Influenza Action (CFIA)].


Satu daripada aktiviti utama projek ini adalah membangunkan bahan-bahan latihan yang menggalakkan amalan keselamatan di tempat kerja. Manual latihan ini dihasilkan daripada beberapa tinjauan (ke beberapa industri penternakan ayam itik yang mengamalkan cara kerja yang baik dalam pencegahan influenza) serta mendapatkan nasihat daripada pihak Kementerian Thai bagi Kesihatan Awam, Buruh dan Pertanian & Koperasi, FAO, WHO, UNSIC (UN System Influenza Coordination) dan agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain. Pemerhatian ini menjadi asas bagi ilustrasi dan pengisian manual latihan tersebut.

Manual yang mesra pengguna dan praktikal ini, menyediakan senarai semak tentang pelbagai kaedah pencegahan, penerangan dan pemerihalan. Kaedah latihan yang bercirikan “penyertaan” unik ILO, WISE (Peningkatan Kerja di Syarikat-syarikat Kecil), dan WIND (Peningkatan Kerja dalam Pembangunan Kawasan Perjiranan) digunakan untuk memupuk kefahaman di samping menggalakkan perubahan sikap di kalangan kumpulan sasaran.

Skop senarai semak tindakan dalam projek latihan tersebut tidak terhad pada negara Thailand. Sebaliknya, ia bersifat sebagai model yang boleh diubah suai menurut keperluan dan situasi untuk meningkatkan usaha mempromosi kesedaran terhadap selesema burung.

Kumpulan kerja projek ILO dan Dr Laddawalaya Ratananakorn dari Jabatan Kemajuan Ternakan, Kementerian Pertanian dan Koperasi telah menyediakan teks dan senarai semak tindakan, dan menyelia perkembangan pembikinan ilustrasi. Kumpulan kerja tersebut terdiri daripada: Dr Tsuyoshi Kawakami, Perunding Kanan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Pejabat ILO bagi Asia Timur; Cik Duanne Punpiputt dan Cik Suttida Chaikitasakol, Peyelaras Projek Kebangsaan; dan Cik Monrudee Sucharitakul, Setiausaha Projek. Penghargaan kami adalah kepada Encik Donato Kiniger-Passigli, Perunding Kanan, ILO CRISIS di Geneva dan Cik Jittima Srisuknam, Pegawai Program di Pejabat Wilayah Kecil ILO bagi Asia Timur atas nasihat yang amat bernilai.

Pihak ILO menyampaikan penghargaan yang istimewa kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penghasilan manual dan Senarai Semak Tindakan ini dan berharap manual latihan ini dapat membantu dalam menambah baik situasi kerja para penternak dan para pekerja untuk mencegah selesema burung.



Bill Salter

Pengarah

Pejabat ILO Wilayah Kecil Asia Timur

Bangkok, Thailand

Januari 2009

SELESEMA BURUNG

SENARAI SEMAK TINDAKAN Untuk Menambah Baik Persediaan Anda Terhadap Selesema Burung

CARA MENGGUNAKAN SENARAI SEMAK

1. Baca setiap butiran dengan teliti. Lihat bagaimana tindakan itu boleh diguna pakai. Jika perlu kemukakan soalan kepada pengurus-pengurus dan pekerja di syarikat anda.
2. Sekiranya langkah tersebut telah diguna pakai atau tidak diperlukan, tandakan **TIDAK** bagi soalan “Adakah anda mencadangkan suatu tindakan?” Sekiranya anda berpendapat bahawa langkah yang diambil adalah wajar, tandakan **“YA”**. Gunakan ruangan di bawah tajuk catatan untuk memperihalkan cadangan anda serta lokasinya.
3. Setelah semua butiran telah disemak, lihat sekali lagi pada butiran yang ditanda **“YA”**. Pilih beberapa butiran yang difikirkan banyak memberi faedah dan yang kelihatan lebih penting berbanding yang lain dan tandakan **“KEUTAMAAN”**.
4. Sebelum menamatkan sesi semakan, pastikan semua butiran telah ditandai **“YA”** atau **“TIDAK”** dan tandakan **“KEUTAMAAN”** pada sebahagian butiran yang bertanda **“YA”**.



I. MENGUMPUL MAKLUMAT

1. Mengumpul maklumat terkini tentang selesema burung dari pejabat-pejabat pertanian, veterinar atau pejabat kesihatan dan dari berita TV dan radio.

Adakah anda mencadangkan tindakan?


☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



2. Kongsi maklumat yang telah dikemas kini dengan ahli keluarga dan jiran-jiran.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



3. Didik anak-anak supaya tidak memegang dan memakan daging ayam itik yang sakit, mati atau sisa bangkainya.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



II MENTERNAK AYAM ITIK SECARA SELAMAT

4. Mencuci kedua belah tangan dengan sempurna menggunakan sabun, setiap kali memegang ayam itik.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



5. Menggunakan kaedah biosekuriti seperti memagar atau menembok kawasan untuk mengurangkan risiko jangkitan Selesema Burung terhadap ternakan ayam itik.

Adakah anda mencadangkan tindakan?


☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



6. Reban, sangkar, dan peralatan dibersihkan dan dinyahkuman dengan sempurna apabila sangkar telah dikosongkan dan sebelum kemasukan ternakan baru.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



7. Gunakan penutup mulut dan hidung dan sarung tangan yang sesuai semasa mengendalikan ayam itik yang disyaki terjangkit.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



8. Stok peralatan perlindungan perlu disimpan bersih.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



9. Beli ayam dan itik daripada penjual yang disahkan dan dikenali ramai sahaja, dan bukan daripada sumber yang tidak pasti.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

10. Sekembali dari melawat ladang ternakan ayam itik yang telah dijangkiti, anda perlu mandi, mensyampu dan menukar pakaian yang bersih setiap kali sebelum memasuki kawasan ladang sendiri, bagi mengelakkan penularan penyakit tersebut.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



III. KAEDAH PENYEMBELIHAN YANG SELAMAT

11. Khususkan tempat kerja untuk tujuan penyembelihan dan memotong daging dan jangan gunakan kawasan tersebut untuk tujuan lain.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



12. Tutup kawasan penyembelihan supaya tidak dimasuki haiwan, burung liar, dan serangga.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



13. Pekerja ladang ternakan ayam itik perlu mengamalkan kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan, menukar pakaian sebelum dan selepas mengendalikan ayam itik, memakai apron, penutup mulut dan hidung serta but. Pakaian perlu dibasuh setiap hari.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

14. Sebelum penyembelihan, pastikan tanda-tanda selesema burung tidak kelihatan pada ternakan ayam itik tersebut. Sekiranya, semasa menyembelih disyaki terdapat tanda jangkitan penyakit, karkas haiwan tersebut hendaklah dibuang terus menurut kaedah pelupusan yang bersih.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

15. Semasa penyembelihan, elakkan ayam itik yang telah disembelih daripada dicemari oleh sisa buangan penyembelihan terutama sekali najis dari usus.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

16. Selepas penyembelihan, perhati dan pastikan bahawa tiada terdapat tanda-tanda pencemaran najis pada daging ayam berkenaan. Sekiranya ada najis, cuci karkas keseluruhannya dengan air berklorin.


Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



17. Pastikan pencahayaan dan pengalihudaraan yang baik.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



18. Bahan kalis air digunakan untuk permukaan dinding dan lantai untuk memudahkan kerja membersihkan dan menyahkuman.


Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



19. Sediakan bekas-bekas khas untuk mengumpul dan menyimpan ayam itik yang tidak sesuai untuk dimakan dan lupuskan secara bersih.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



20. Peralatan dan tempat penyembelihan perlu selalu dibersihkan dan dibasmikuman. Pastikan bahawa peralatan tersebut disimpan di tempat tertutup dan terhindar daripada tikus dan serangga.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....



IV. PENGURUSAN SISA TERNAKAN AYAM ITIK

21. Bakar atau tanam sisa ayam itik pada kedalaman 50cm dan tuangkan bahan pembasmi kuman ke sisa tersebut sebelum ditanam. Setelah ditanam, tuangkan sekali lagi bahan pembasmi kuman ke kawasan penanaman.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



22. Pilih tapak penanaman yang jauh dari sungai, parit dan kawasan perairan lain. Tapak tersebut hendaklah dipagar untuk mengelakkan daripada dimasuki anjing, kucing dan lain-lain.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



23. Pastikan para pekerja yang terlibat dalam urusan pelupusan dan pengurusan sisa ini telah mengamalkan kaedah kebersihan diri yang baik seperti mencuci tangan dan menyalin pakaian sebelum dan selepas melaksanakan kerja, serta memakai apron, penutup mulut dan hidung serta but. Setiap barangan yang dipakai mesti dibasuh dengan bersih.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



V. SEGERA MELAPORKAN PENYAKIT

24. Kenali tanda-tanda dan gejala haiwan yang dijangkiti selesema burung.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



25. Perhatikan dengan teliti haiwan ternakan setiap hari untuk mengesan tanda-tanda awal selesema burung.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



26. Laporkan dengan segera kepada ketua kampung atau petugas sukarelawan tentang kejadian ayam itik yang sakit atau mati termasuk haiwan yang disyaki dijangkiti.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



27. Segera berjumpa doktor atau hadir ke Pusat Kesihatan sekiranya terdapat ahli keluarga yang menghidap demam panas, atau batuk yang teruk, bersin atau lemah anggota badan.

Adakah anda mencadangkan tindakan?

☐ TIDAK

☐ YA ☐ KEUTAMAAN

CATATAN.....

.....

.....



CHECKPOINT 1:

Mengumpul maklumat tentang selesema burung untuk menjaga kesihatan.

FAEDAH KEPADA PENTERNAK/PEKERJA

Kesihatan para penternak dan pekerja akan lebih terjaga sekiranya mempunyai maklumat terkini tentang selesema burung. Penyakit ini adalah penyakit bagi haiwan jenis burung dan jarang menjangkiti manusia. Tetapi manusia boleh dijangkiti virus ini jika berada hampir dan bersentuhan dengan burung-burung yang dijangkiti atau benda-benda yang telah dicemari najis, darah, karkas, ofal dan bendalir badan haiwan tersebut. Virus ini bukan sahaja memudaratkan kesihatan malah turut menggugat sumber pendapatan yang diperolehi daripada usaha jual beli ayam itik. Ini memberi kesan kepada ahli keluarga, jiran dan juga pelanggan.

Pengetahuan dan kaedah perlindungan terhadap selesema burung semakin maju. Ramai penternak kini mengamalkan kaedah-kaedah praktikal dan murah untuk mengurangkan risiko jangkitan. Maka pengetahuan anda tentang pencegahan selesema burung yang betul dan terkini adalah sangat penting. Ini membantu anda menjana idea-idea yang praktikal tentang cara-cara untuk menambah baik ladang ternakan ayam itik anda dan melindungi diri dan keluarga anda daripada selesema burung.

CARA MENAMBAH BAIK

1. Pastikan setiap orang di tempat anda mempunyai maklumat asas tentang selesema burung (Rajah 1.2).
2. Hubungi para pegawai pertanian, veterinar atau kesihatan dari semasa ke semasa untuk mengumpul maklumat tentang pencegahannya yang terkini. Anda juga perlu mengetahui tentang situasi selesema burung di tempat anda, serta kawasan di sekitar wilayah dan daerah anda.
3. Beri perhatian pada berita-berita tentang selesema burung yang dilaporkan di TV, radio dan surat khabar serta nasihat yang disampaikan kepada para penternak.
4. Mengadakan perbincangan bersama ahli keluarga berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan. Didik anak-anak supaya mengelakkan diri daripada bersentuhan dengan ayam itik yang sakit, mati atau sisa bangkainya

CARA MENGGALAKKAN KERJASAMA

1. Kongsi maklumat dengan para pekerja dan jiran-jiran. Anda juga boleh mendapat maklumat tambahan daripada mereka. Maklumat tentang selesema burung juga boleh dikongsi semasa perjumpaan bersama anggota masyarakat setempat untuk memastikan perhatian daripada penternak yang berterusan.
2. Pelajari dan berkongsi amalan-amalan baik yang boleh mengurangkan risiko jangkitan selesema burung seperti tidak berkongsi alat pelindung diri, dan cara menguruskan sisa. Amalan baik dan murah untuk dilaksanakan adalah amat berguna seperti menjaga kebersihan tangan, menutup hidung dan mulut apabila batuk dan bersin, menggunakan kertas tisu untuk menampung lelehan hidung dan membuangnya ke dalam bekas pembuangan yang terdekat selepas digunakan.


PETUA-PETUA TAMBAHAN

1. Dapatkan maklumat yang tepat dan terkini. Jangan percaya kepada gosip dan khabar angin. Sekiranya timbul keraguan, atau persoalan, hubungi pejabat pertanian, veterinar atau kesihatan untuk mendapatkan penjelasan.
2. Persiapkan diri dengan cara-cara untuk tindakan sekiranya wabak selesema burung menular di tempat anda atau kawasan sekitar. Kumpulkan maklumat tentang langkah-langkah sokongan dan ganti rugi daripada pihak kerajaan bagi penternak yang kehilangan ayam itik mereka akibat selesema burung.

PERKARA PENTING YANG PERLU DIINGAT

• • • • •


Maklumat yang tepat dan terkini akan melindungi anda dan keluarga serta sumber pendapatan.



Rajah 1.1 Para penternak perlu mengumpulkan maklumat-maklumat yang tepat tentang selesema burung untuk menjaga kesihatan. Beri perhatian pada berita-berita tentang dilaporkan di TV, radio dan surat khabar serta nasihat yang disampaikan kepada para penternak.

Maklumat asas tentang selesema burung

Penyakit ini adalah penyakit bagi haiwan jenis burung. Namun virus tersebut boleh menjangkiti penternak jika mereka bersentuhan dengan burung yang dijangkiti, najis, darah, karkas, offal, dan bendalir badan. Sesetengah burung, walaupun telah dijangkiti tetapi kelihatan sihat, justeru masih boleh menjangkiti penternak dan burung-burung lain. Kurangkan persentuhan dengan ayam itik. Jangan sentuh ayam itik yang sakit, atau yang telah mati. Dapatkan nasihat daripada pegawai-pegawai pertanian, veterinar atau kesihatan untuk mendapatkan maklumat tambahan.



Rajah 1.2 Dapatkan nasihat pegawai-pegawai pertanian, veterinar atau kesihatan setempat atau daerah jika mempunyai kemusykilan atau keraguan.

CHECKPOINT 2:

Menternak ayam itik secara selamat

FAEDAH KEPADA PENTERNAK/PEKERJA

Terdapat banyak cara yang praktikal dan murah untuk mengurangkan risiko selesema burung di kalangan penternak/pekerja-pekerja. Semakin lama semakin ramai penternak/pekerja yang menggunakan kaedah biosekuriti seperti pemagaran atau membina kawasan penghadang untuk mengurangkan risiko ayam itik terdedah kepada jangkitan selesema burung. Sumber pendapatan, ayam itik akan lebih terjamin melalui pelaksanaan kaedah biosekuriti ini. Usaha untuk mengukuhkan kaedah-kaedah selamat dalam penternakan ayam itik juga membantu penternak-penternak di perijiran.

Para penternak semakin ramai mengamalkan dengan bersungguh-sungguh cara pembersihan diri seperti mencuci tangan dengan bersih, atau menggunakan alat pelindung ketika menguruskan ayam itik yang sakit atau mati. Selepas mengamalkan kaedah-kaedah pengurusan ayam itik yang selamat (iaitu membasuh tangan dan mencuci baju), anda dan ahli keluarga akan lebih terlindung

CARA MENAMBAH BAIK

1. Gunakan penutup mulut dan hidung serta sarung tangan apabila mengendalikan ayam itik. Cuci tangan (tapak tangan, jari-jemari, pergelangan tangan dan kedua belah belakang tangan) dengan cermat dan menggunakan sabun selepas mengendalikan ayam itik (Rajah 2.1)
2. Rancang dan gunakan kaedah asas biosekuriti seperti penempatan tertutup oleh pagar atau jaring (Rajah 2.2) dan sediakan bekas berisi larutan disinfektan untuk pembasmian kuman di setiap pintu masuk untuk mengurangkan risiko ayam itik terdedah kepada jangkitan virus selesema burung.
3. Ketahui tanda-tanda dan gejala awal ayam itik yang dijangkiti selesema burung. Jangan sentuh ayam itik yang dijangkiti jika tidak memakai sarung tangan serta penutup mulut dan hidung. Lihat (checkpoint 5 di halaman 22)
4. Bersihkan dan nyahkuman reban, sangkar dan peralatan dengan kerap.

CARA MENGGALAKKAN KERJASAMA

1. Lawatan yang kerap ke pusat aktiviti masyarakat adalah amat digalakkan (iaitu ke rumah ibadat atau kedai kopi setempat) untuk mengikuti sebarang maklumat terkini. Contoh-contoh yang baik seperti mengumpulkan ternakan ayam itik dalam satu kawasan tertutup menggunakan kaedah biosekuriti,

selalu membersihkan dan membasmi kuman sangkar dan peralatan, dan mengamalkan kebersihan diri, wajar dipelajari dan diteladani.

2. Berkongsi amalan-amalan baik ini bersama-sama para penternak/pekerja-pekerja lain. Membantu jiran-jiran yang masih belum mencapai penambahbaikan. Tahap perlindungan masyarakat dan kampung amat penting ditingkatkan bagi memastikan perlindungan bagi semua pihak daripada selesema burung.


PETUA-PETUA TAMBAHAN

1. Pastikan kanak-kanak tidak menyentuh ayam itik yang sakit atau mati dan mengutip bulu burung. Kanak-kanak adalah golongan berisiko tinggi dijangkiti kerana mereka gemar bermain dengan ayam dan itik.
2. Didik kanak-kanak dan ahli keluarga tentang kaedah-kaedah penjagaan kebersihan diri seperti mencuci tangan dan menggunakan alat perlindungan.
3. Beli burung daripada penjual yang dikenali serta disahkan sahaja dan bukan daripada sumber yang tidak diketahui.
4. Alat perlindungan hendaklah disimpan secara bersih. Penutup mulut dan hidung serta sarung tangan pakai-buang hendaklah dibuang setiap kali selepas digunakan. Jangan digunakan semula.
5. Sekiranya terdapat ayam itik yang sakit atau mati, jangan disentuh. Hubungi pejabat pertanian, veterinar atau kesihatan dengan segera.
6. Halang penyebaran penyakit ini dengan mengamalkan etika batuk atau bersin yang betul iaitu menutup hidung dan mulut setiap kali bersin atau batuk. Dan memastikan kertas tisu yang digunakan dibuang ke tempat yang betul.
7. Jangkitan perlu dielakkan apabila kembali dari lawatan ke ladang yang dijangkiti dengan mandi, bersyampu dan menukar pakaian sebaik sahaja pulang ke ladang sendiri.


PERKARA PENTING YANG PERLU DIINGAT

.....


Para penternak/pekerja boleh menggalakkan cara penternakan ayam itik yang selamat dengan mengamalkan kaedah yang praktikal dan murah.



Rajah 2.1 Cuci tangan dengan sabun selepas memegang ayam itik. Bersihkan tapak tangan, jari-jemari, pergelangan tangan, dan belakang tangan.



Sebelum menambah baik



Selepas menambah baik



Rajah 2.2 Penggunaan kaedah biosekuriti untuk mengurangkan risiko jangkitan selesema burung.

CHECKPOINT 3

Penggunaan kaedah penyembelihan yang selamat

FAEDAH KEPADA PENTERNAK/PEKERJA

Kaedah penyembelihan yang selamat merupakan faktor penting untuk melindungi penternak/pekerja dan ahli keluarga mereka daripada jangkitan selesema burung.

Penternak/pekerja akan berada dekat dengan ayam itik ketika penyembelihan; maka mereka hendaklah mengurangkan risiko jangkitan.

Risiko jangkitan ini boleh dikurangkan dengan mengamalkan kaedah yang murah dan praktikal, meliputi cara penangkapan, penggunaan alat, penjagaan kebersihan peralatan penyembelihan dan kaedah pengurusan sisa yang betul. Penternak/pekerja dinasihatkan untuk memberi kerjasama untuk menggalakkan kaedah ini bersama jiran-jiran.

CARA MENAMBAH BAIK

1. Khususkan tempat penyembelihan dan tempat pemotongan daging; tutup tempat penyembelihan untuk mengelakkan kemasukan haiwan lain, burung-burung liar dan serangga. Jangan gunakan tempat ini untuk tujuan lain.
2. Perhatikan ayam itik tersebut dengan teliti sebelum ditangkap. Jangan sentuh ayam itik yang kelihatan sakit atau menunjukkan tanda-tanda selesema burung (Lihat Rajah 5.1 di CHECKPOINT 5). Ayam yang sakit tidak boleh disembelih, dimakan atau dijual. Segera dilupuskan ayam itik tersebut dengan cara yang bersih.
3. Gunakan alat pelindung seperti penutup mulut dan hidung, sarung tangan getah, but, dan apron untuk mengelakkan sentuhan langsung dengan ayam itik (Rajah 3.1). Pakai penutup muka dengan betul (Rajah 3.2). Peralatan ini akan mengurangkan persentuhan dengan darah, bendalir badan dan bahagian-bahagian lain ayam itik.
4. Cuci seluruh tangan dengan sabun dengan rapi. Tapak tangan, jari-jemari, dan belakang tangan mesti dibersihkan.
5. Ketika menyembelih, elakkan bangkai ayam itik daripada dicemari oleh sisa ayam itik terutama najis dari usus.
6. Basuh dan basmi kuman alat-alat penyembelihan dengan kerap.
7. Gunakan bahan kalis air untuk permukaan bangunan dan lantai untuk memudahkan kerja membersihkan dan membasmi kuman.

CARA MEMPROMOSIKAN KERJASAMA

Ziarahi jiran tetangga yang mengamalkan cara penyembelihan dan penyediaan daging yang boleh diteladani. Pelajari cara mereka mengelakkan daripada terdedah kepada jangkitan selesema burung. Dapatkan nasihat dan panduan dari pejabat pertanian, veterinar dan kesihatan tentang cara penyembelihan yang selamat. Berbincang dengan jiran-jiran tentang cara untuk mengurangkan persentuhan langsung ke tahap minimum dengan ayam itik dan mengurangkan risiko jangkitan. Pelajari daripada jiran-jiran, amalan-amalan baik seperti penjagaan kebersihan, alat pelindung, pengkhususan tempat untuk penyembelihan atau cara yang efektif untuk mencuci tangan.

PETUA-PETUA TAMBAHAN

1. Kemahiran dalam teknik penangkapan dan penyembelihan dapat mengurangkan penyebaran bulu, darah dan bendalir badan dan lain-lain.
2. Jangan benarkan kanak-kanak atau orang yang tidak mahir menangkap ayam dan itik
3. Ruang penyembelihan mesti mempunyai pengalihudaraan dan pencahayaan yang baik. Buka tingkap. Pilih tempat yang terang.
4. Penggunaan penutup mulut pakai-buang adalah dianjurkan dan hendaklah dibuang setiap kali selepas digunakan. Bagi penutup jenis lain, pastikan ia dibasuh dan dibasmi kuman, setiap kali selepas digunakan.
5. Basuh dan basmi kuman sarung tangan, but dan apron setiap kali selepas digunakan setiap hari. Jangan di basuh bersama-sama pakaian lain.
6. Sediakan kotak khas untuk mengumpulkan sisa ayam itik dan lupuskan secara bersih (Lihat CHECKPOINT 4)
7. Cuci dan basmi kuman tempat dan alat-alat penyembelihan dengan kerap. Pastikan peralatan disimpan di tempat yang tertutup jauh dari tikus dan lipas.

PERKARA PENTING YANG PERLU DIINGAT

.....

Sebolehnya, kurangkan sentuhan langsung dengan ayam itik.



Rajah 3.1 Semasa menyembelih atau memotong daging ayam itik, pakailah penutup mulut dan hidung, sarung tangan getah, but dan apron.



Rajah 3.2 Pakai penutup mulut dan hidung dengan betul. Jangan sentuh bahagian dalam penutup. Saiz penutup mestilah bersesuaian dengan muka anda dan sepatutnya tiada ruang udara antara muka dan penutup. Bagi kerja penyembelihan harian, memadai dengan menggunakan penutup mulut dan hidung jenis pembedahan (kiri) atau dari jenis kain. Jika anda perlu mengendalikan ayam itik yang sakit atau kelihatan seperti dijangkiti, anda perlu memakai penutup muka jenis N95 iaitu penutup mulut dan hidung untuk pernafasan (kanan).

CHECKPOINT 4

Amalan pelupusan dan pengurusan sisa ayam itik yang bersih

FAEDAH KEPADA PENTERNAK/PEKERJA

Sisa daripada burung yang dijangkiti seperti anggota burung, bahagian badan, cecair badan, najis dan tanah yang dicemari mengandungi virus selesema burung dan boleh menjadi sumber jangkitan. Para penternak, ahli keluarga dan pelanggan mesti mengelakkan diri daripada menyentuh secara langsung dengan sisa ayam itik. Reban ayam dan kemudahan di dalamnya seperti tempat makan dan minuman, perlu selalu dibasuh dan dibasmi kuman.

Amalan pelupusan sisa ayam itik dan cara pengurusan sisa yang bersih sangat membantu mengurangkan risiko jangkitan selesema burung kepada para penternak, ahli keluarga dan pelanggan. Terdapat banyak cara yang praktikal dan murah untuk mengamalkan pelupusan ayam itik dan menambah baik pengurusan sisa.

CARA UNTUK MENAMBAH BAIK

1. Pakai penutup mulut dan hidung (Rajah 3.2) semasa anda mengumpulkan sisa ayam itik. Gunakan sarung tangan getah dan but untuk melindungi diri.
2. Sediakan kotak khas untuk mengumpulkan bahan sisa. Letakkan beg plastik ke dalam beg bagi memudahkan kerja pelupusan.
3. Sisa yang telah dikumpulkan hendaklah dibakar atau ditanam. Jika dibakar, anda perlu menggali lubang sedalam yang melebihi 50cm untuk menanam sisa tersebut. Tuangkan bahan pembasmi kuman ke atas sisa tersebut sebelum ditimbus. Sembur bahan pembasmi kuman sekali lagi di atasnya selepas ditimbus. Tempat penanaman itu perlu dipagar untuk memastikan tidak diselongkar oleh haiwan pembangkai. Ahli keluarga dan rakan-rakan juga perlu diberitahu agar tidak mendekati kawasan tersebut.
4. Selepas jualan ayam itik dan sebelum ternakan baru sampai, reban hendaklah dibasmi kuman (Rajah 4.1). Pakai topi, penutup mulut dan hidung, sarung tangan dan but untuk perlindungan.
5. Pastikan tempat penanaman sisa jauh dari tempat sumber air kegunaan umum.
6. Pekerja yang mengendalikan ayam itik perlu mengamalkan penjagaan kebersihan diri dan memakai pelindung diri.

7. Hubungi pegawai veterinar atau kesihatan setempat jika anda mendapati banyak ayam itik yang mati dan sakit serta anda mengesyaki telah berlaku jangkitan selesema burung. Ikuti segala nasihat mereka dengan teliti. Orang ramai dan haiwan lain tidak dibenarkan memasuki kawasan tersebut. Orang menjalankan tugas membuangnya perlu memakai pakaian perlindungan (Rajah 4.2). Jangan biarkan haiwan yang mati berselerak di merata tempat.

CARA MENGGALAKKAN KERJASAMA

Perhatikan tempat kerja dan kaji semula prosedur kerja. Kenal pasti persentuhan yang mungkin berlaku dengan sisa ayam itik. Bincangkan dengan ahli keluarga dan rakan penternak di kawasan berdekatan tentang cara untuk mengelakkan persentuhan dengan sisa ayam itik. Pelajari kaedah yang sedia ada yang diamalkan oleh penternak lain.

PETUA-PETUA TAMBAHAN

1. Kemahiran dalam teknik penangkapan dan 1. Jangan campurkan sisa ayam itik dengan sisa ladang yang lain atau sisa dari isi rumah.
2. Letakkan kotak khas untuk mengumpulkan sisa di tempat penyembelihan. Basuh dan basmi kuman lantai, alat-alat, bekas-bekas penyimpanan dan meja dengan kerap.
3. Penyediaan daging hendaklah dilakukan dengan cermat menurut prosedur penyembelihan dan elakkan daging daripada dicemari oleh sisa ayam itik.
4. Jika bilangan ternakan anda banyak, dan menguruskan jumlah sisa yang banyak dari semasa ke semasa, beli sebuah alat pembakar yang lebih besar yang boleh membakar jumlah sisa yang banyak.
5. Pekerja yang mengendalikan ayam itik perlu mengamalkan kebersihan diri dan menukar pakaian sebelum dan selepas menguruskan ayam itik.
6. Peralatan perlindungan yang boleh digunakan (iaitu apron, but, pakaian, sarung tangan) hendaklah dibasuh dan dibasmi kuman setiap hari.

PERKARA PENTING YANG PERLU DIINGAT

.....
Kaedah pengumpulan dan pelupusan sisa ayam itik hendaklah dilakukan dengan betul. Dapatkan nasihat daripada pegawai pertanian, atau veterinar setempat tentang cara mengumpul dan melupus sisa ayam itik.



Rajah 4.1 Mencuci dan membasmi kuman ladang ternakan dan lupuskan sisa dengan betul setiap kali selepas menjual ternakan dan sebelum ternakan baru sampai. Ini akan melindungi kumpulan ternakan tersebut daripada jangkitan selesema burung.



Rajah 4.2 Ikuti peraturan daripada pegawai-pegawai pertanian, veterineri dan kesihatan semasa melupuskan sisa ayam itik yang dijangkiti selesema burung. Gunakan beg dan bekas khas untuk mengumpulkan ternakan-ternakan yang mati dan bakar atau tanam. Orang yang terlibat menjalankan tugas pelupusan ini hendaklah memakai topeng pernafasan (N95), gogal, sarung tangan, but dan pakaian perlindungan untuk mengelakkan jangkitan. Halang orang ramai, dan haiwan daripada keluar masuk dengan cara membina pagar yang sesuai.

CHECKPOINT 5

Segera melaporkan penyakit

FAEDAH KEPADA PENTERNAK/PEKERJA

Tindakan segera melaporkan penyakit dan kematian burung membantu mendapat tindak balas pantas daripada pegawai pertanian, veterinar untuk menghalang penularan selesema burung. Laporan anda dapat menghalang berlakunya penyakit di ladang ternak ayam itik yang lain di kawasan yang sama ataupun ditempat lain. Langkah pencegahan yang pantas boleh meningkatkan perlindungan bagi keluarga dan penduduk lain.

Pengetahuan tentang tanda-tanda dan gejala burung yang dijangkiti selesema burung amat penting. Tanda-tanda biasa ialah : kelihatan lemah, menggigil, bermata merah, pengeluaran lendir di mulut dan hidung, titik-titik darah pada mata, mulut dan kaki dan lain-lain (Rajah 5.1). Jika anda dan keluarga anda menemui tanda-tanda ini pada ayam itik anda, hubungi ketua kampung atau petugas sukarelawan masyarakat dengan segera.

CARA UNTUK MENAMBAH BAIK

1. Mengetahui tanda-tanda dan gejala ayam itik yang dijangkiti selesema burung.
 2. Perhatikan ayam itik setiap hari agar tidak terlepas tanda-tanda awal gejala penyakit ini. Jika burung kelihatan lemah, kurang aktif, atau warna matanya berubah, hubungi segera pegawai pertanian, veterinar dan kesihatan untuk melaporkan berita ini.
 3. Laporan berkenaan burung yang sakit dan mati hendaklah dibuat dengan segera kepada ketua kampung, para sukarelawan, pegawai pertanian, veterinar dan kesihatan atau lain-lain pihak berkuasa kerajaan. Walaupun anda tidak pasti sama ada ia merupakan penyakit selesema burung atau tidak, anda perlu melaporkannya.
 4. Apabila didapati ahli keluarga anda menghidap demam panas, selesema yang teruk seperti batuk, bersin atau keletihan amnya, hubungi doktor atau Pusat Kesihatan (Primary Care Unit -PCU) dengan segera .
 5. Jika pesakit telah bersentuh dengan ayam itik, burung liar atau sisanya, maklumkan kepada doktor, anggota kesihatan di Pusat Kesihatan dengan segera.
- Maklumat yang diberi amat berguna untuk diagnosis yang betul agar pesakit dapat diberi rawatan yang sepatutnya.

CARA MEMPROMOSIKAN KERJASAMA

Kaji tanda-tanda gejala selesema burung bersama penternak-penternak dan anggota masyarakat di tempat anda. Pegawai pertanian, veterinar dan kesihatan akan membantu anda. Pelajari bagaimana ayam itik dan manusia boleh dijangkiti berdasarkan pada kes-kes yang awal, serta langkah yang telah mereka ambil untuk menghadapi jangkitan tersebut. Bincangkan cara-cara untuk mempromosikan kerjasama di kalangan penternak-penternak supaya membuat laporan segera tentang penyakit tersebut.

PETUA-PETUA TAMBAHAN

1. Kenali mereka yang bertugas sebagai anggota kesihatan atau sukarelawan kesihatan ladang di tempat anda. Mereka akan memberi bantuan untuk anda membuat laporan.
2. Selesema burung boleh berjangkit kepada bukan sahaja kepada penternak, malah kepada penjual daging dan telur burung yang dicemari najis haiwan yang sakit. Bantu penjual-penjual ini untuk mengenali dan mendapat maklumat tentangnya.
3. Apabila anda bakal kehilangan ayam itik akibat selesema burung, anda boleh diberi ganti rugi atau bantuan kerajaan. Hubungi pejabat kerajaan. Maklumkan perkara ini juga kepada rakan-rakan penternak yang menghadapi hal yang sama.
4. Jangan menyembelih dan menjual daging burung yang sakit atau mati.

PERKARA PENTING YANG PERLU DIINGAT


.....

Laporan segera dan tindakan pantas menghalang penularan selesema burung dan mengurangkan bencana.

Ayam yang dijangkiti selesema burung menunjukkan beberapa tanda: tidak mampu berjalan atau berdiri, bulunya kembang, hilang selera makan, kesukaran bernafas, murung, kebiru-biruan pada balong, pial dan hok, bengkak di kepala dan kelopak mata, baruh dan mengalami cirit-birit, pendarahan (hampir kelihatan) di kaki, kurang dan kesukaran bertelur.



Rajah 5.1 Jangan hampiri ayam yang mati atau sakit. Pimpin kanak-kanak supaya menjauhinya.



Rajah 5.2 Laporkan segera ke pejabat pertanian, veterinar berdekatan atau pegawai kesihatan dan lain-lain jabatan kerajaan yang berkenaan apabila mengesyaki kematian ayam, itik, atau burung lain termasuk burung liar adalah berpunca daripada selesema burung.



Rajah 5.3 Pelajari tanda-tanda awal dan gejala selesema burung pada manusia.

Lampiran 1

Sumber maklumat

Pusat Kawalan Selesema Burung
Biro Kawalan Penyakit dan Khidmat Veterinar
Jabatan Kemajuan Ternakan
Kementerian Pertanian dan Koperasi
69/1 Jalan Phayathai, Rachathevi
Bangkok 10400
Tel: 02 653 4444

Fax: 02 653 4862/653 4929

E-mel: dcontrol@dld.go.th

Laman sesawang: <http://www.dld.go.th/dcontrol/>

Biro Penularan Penyakit Berjangkit
Kementerian Kesihatan Awam
Tingkat 4, Bangunan 8, Jalan Tiwanond
Wilayah Nonthaburi 11000
Tel: 02-590 3275-9
Laman sesawang: <http://beid.ddc.moph.go.th/th/index.php>

Organisasi Makanan dan Pertanian
Bangsa-Bangsa Bersatu
Pejabat Wilayah Asia Pasifik (RAP)
Maliwan Mansion
Jalan Phra Atit
Bangkok 10200
Tel: 02 697 4000
Fax: 02 697 4000
Laman sesawang: (RAP): <http://www.fao.org/world/regional/rap>

Kementerian Buruh
Jalan Mitmaitree, Dindaeng
Bangkok 10400
Tel: 02 232 1421-2
Laman sesawang: <http://www.mol.go.th>

Pejabat Wakil WHO di Thailand
c/o Kementerian Kesihatan Awam
Tingkat 4, Bangunan 8, Jalan Tiwanond
Wilayah Nonthaburi 11000
Tel: 02-590 1524
Laman sesawang: <http://w3.whothai.org/en/index.htm>

Penyelaras Sistem Influenza
Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC)
Hab Kawasan Asia-Pasifik
Pejabat UN OCHA Kawasan Asia dan Pasifik
Suite Executive, Tingkat 2, Bangunan UNCC
Rajdamnern Nok Avenue
Bangkok 10200
Tel: 02 288 1234
Laman sesawang: <http://www.influenza.undg.org>
<http://un-influenza.org>

Organisasi Kesihatan Haiwan Sedunia
Unit Penyelaras Asia Tenggara OIE Wilayah Kecil
c/o Jabatan Kemajuan Ternakan
Kementerian Pertanian dan Koperasi
69/1 Jalan Phayathai, Rachathevi
Bangkok 10400
Tel: 02 653 4864
Laman sesawang: http://www.oie.int/eng/en_index.htm

MENJAGA KESIHATAN DIRI DAN PERNIAGAAN ANDA DARIPADA SELESEMA BURUNG

Manual Tindakan untuk Pekerja dan Penternak Ayam Itik

Penularan wabak selesema burung dan kes-kes baru jangkitan yang berterusan telah menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat serantau. Manual latihan ini disusun untuk menggalakkan amalan-amalan keselamatan. Manual latihan yang mesra pengguna dan praktikal ini menyediakan senarai semak tentang pelbagai kaedah pencegahan, penerangan dan pemerihalan. Kaedah latihan yang bercirikan “penyertaan” unik. ILO, WIND (Peningkatan Kerja dalam Pembangunan Kawasan Kejiranan) dan WISE (Peningkatan Kerja dalam Syarikat-syarikat Kecil) digunakan untuk memupuk kefahaman di samping menggalakkan peningkatan dalam tindakan para penternak dan pekerja ayam itik.

Untuk Maklumat, hubungi:

Pejabat ILO Wilayah Asia Timur
Tingkat 19, Bangunan Bangsa-Bangsa Bersatu,
Rajdamnern Nok Avenue,
Bangkok 10200, Thailand
Tel: +662 288 1234
Faks : + 662 288 3058
Emel: bangkok@ilo.org
www.ilo.org/asia



ISBN: 9789221219521